

BUKU POKET RANCANGAN ORIENTASI SEKOLAH (BROS)

Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Teknologi Malaysia, Johor

1. PENGENALAN

Rancangan Orientasi Sekolah (ROS) secara umumnya telah dilaksanakan dengan tujuan untuk memberi pendedahan secara lebih faktual dan asli berkenaan kehidupan sebenar sebagai pendidik di sekolah. Daripada aspek penetapan di dalam kurikulum program pendidikan, aktiviti ROS telah diakui sebagai salah satu perkara penting dan perlu dilaksanakan sepanjang proses pengajian bakal guru secara terstruktur. Namun begitu pelaksanaan ROS telah dilaksanakan dengan cara yang unik mengikut kesesuaian dan keperluan institusi berkaitan. Di Malaysia terdapat dua buah institusi utama yang menganjurkan program pendidikan iaitu Institut Perguruan Malaysia yang secara prinsipnya menawarkan program untuk guru-guru di sekolah rendah dan pendidikan awal kanak-kanak. Manakala Institusi Pengajian Tinggi Awam pula menawarkan program kepada guru-guru untuk mengajar di sekolah menengah. Selain itu terdapat juga institusi pendidikan swasta yang menawarkan program yang serupa menambah kepelbagaian dan keunikan Pelaksanaan ROS sepanjang pengajian.

Justeru aktiviti ROS telah diterimapakai di dalam kurikulum pendidikan guru di Malaysia sebagai salah satu ruang untuk memberikan peluang kepada bakal-bakal guru 'merasai' suasana sebenar kehidupan sebagai seorang guru di sekolah. Walaupun format pelaksanaan terdapat sedikit perbezaan, samada dibuat secara berasingan ataupun terintegrasi, aktiviti ROS ini telah disepakati sangat penting kepada bakal-bakal guru.

2. LATAR BELAKANG RANCANGAN ORIENTASI SEKOLAH DI UTM

Pelaksanaan Rancangan Orientasi Sekolah (ROS) di UTM juga melalui proses perubahan, penyesuaian dan penambahbaikan yang berterusan. Namun begitu UTM masih lagi mengekalkan pelaksanaan ROS secara terintegrasi dengan program Latihan Mengajar. Setiap pelajar dikehendaki melaksanakan dan menyelesaikan ROS dalam bentuk **Laporan Bertulis** dengan bimbingan Guru Pembimbing di mana mereka ditempatkan dan juga Penyelia Pembimbing daripada Sekolah Pendidikan UTM.

Secara umumnya ROS di UTM dilaksanakan dengan tujuan utama seperti berikut:

- i. memberi peluang kepada guru pelatih memahami organisasi, pengurusan dan budaya sekolah secara holistik
- ii. Memberi masa yang mencukupi untuk guru pelatih berinteraksi dengan guru dan penyesuaian diri dengan komuniti sekolah

Melalui aktiviti terstruktur ini diharapkan pelajar-pelajar dapat menyerap semua kesempatan dan pengalaman sepanjang tempoh latihan mengajar di sekolah.

3. RANCANGAN ORIENTASI SEKOLAH DI UTM

Rancangan Orientasi Sekolah (ROS) di UTM telah dilaksanakan dengan mengambil kira empat komponen utama iaitu **Komponen A** berkenaan *Pengurusan Sekolah*, **Komponen B** berkenaan *Aktiviti Akademik dan Kurikulum*, **Komponen 3** berkenaan dengan *Kemudahan Prasarana Sekolah*, dan **Komponen 4** berkenaan dengan *Aktiviti Kokurikulum*. Keempat-empat komponen ini dinilai sebagai fundamental kepada usaha mengetahui dan memahami dunia sekolah dan pendidikan.

Proses perancangan dan persiapan ROS dicadangkan untuk dilaksanakan sepanjang tempoh 12 minggu Latihan Mengajar (LM) di sekolah. Kerjasama daripada Guru Pembimbing di sekolah dan juga Pensyarah Pembimbing daripada Sekolah Pendidikan UTM adalah sangat diperlukan dan penting untuk membantu pelajar merancang, melaksanakan dan menyelesaikan ROS (laporan ROS). Pelaksanaan ROS boleh dilaksanakan mengikut kreativiti dan kebijaksanaan pelajar samada diselesaikan dalam minggu pertama LM ataupun sepanjang tempoh LM, akan tetapi tertakluk kepada ketetapan tarikh akhir penyerahan.

Penyerahan laporan akhir ROS yang merangkumi Komponen A,B,C,D perlu diselesaikan dan diserahkan selewat-lewatnya **30 hari selepas melapor diri** LM.

A. Kriteria Penyediaan ROS

a) *Kriteria Umum*

- Tugas ini merupakan tugas individu
- Cara bekerja dalam proses menyiapkan tugas boleh dilakukan secara berkumpulan ataupun individu ataupun mengikut kreativiti masing-masing, tetapi laporan akhir perlu dilakukan secara individu
- Kerjasama dengan pihak sekolah terutamanya guru pembimbing adalah sangat penting, terutamanya dalam proses perancangan dan pelaksanaan ROS kerana diambil kira dalam penilaian
- **ePortfolio ROS** perlu dihasilkan oleh pelajar dalam tempoh menjalani LM di sekolah yang meliputi 4 komponen utama seperti di bawah secara berasingan:
 - i. Komponen A – Pengurusan Sekolah
 - ii. Komponen B - Aktiviti Akademik dan Kurikulum
 - iii. Komponen C – Kemudahan Prasarana Sekolah
 - iv. Komponen D - Aktiviti Kokurikulum

b) *Kriteria Laporan*

- Format penulisan berdasarkan format penulisan tesis UTM
- Saiz huruf adalah 12 Times New Roman dengan 1 ½ spasi
- Maklumat penting dalam laporan setiap komponen adalah dicadangkan seperti berikut:
 - i. *muka hadapan laporan* – tajuk komponen laporan, nama pelajar, no IC dan no matriks, nama sekolah, tahun
 - ii. *halaman 2* – ruangan tanda tangan pelatih dan pengesahan guru pembimbing
 - iii. *halaman 3* – senarai kandungan
 - iv. *Format penulisan* setiap komponen dicadangkan meliputi Pengenalan, Komponen Berkaitan (perbincangan berkenaan komponen berkenaan secara umum), Pelaporan Data (hasil temubual), Perbincangan serta Refleksi dan Penutup

- v. Tidak ada had mukasurat penulisan setiap laporan, tetapi perlu meliputi aspek-aspek yang dinyatakan di dalam komponen-komponen berkenaan
- Kesemua laporan ROS perlu **disemak dan disahkan** oleh **Guru Pembimbing/pihak sekolah** terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada Pensyarah Pembimbing mengikut tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.

c) Proses Penyerahan ROS

- Penyerahan ROS dilakukan dengan memuatnaik dokumen ePortfolio lengkap ditandatangani dalam **bentuk link (URL)** ke **Sistem Maklumat Latihan Mengajar** untuk dinilai. Link (URL) ialah (http://fssh.utm.my/SMLM/smlm_main.asp)
- Kegagalan untuk memuatnaik dokumen ePortfolio yang lengkap dalam bentuk link ke dalam Sistem Maklumat Latihan Mengajar dalam tempoh yang ditetapkan akan menjejaskan pencapaian LM secara keseluruhan

2. ePortfolio ROS mengandungi:

a) Komponen A Pengurusan Sekolah

- i. Kajian ringkas berkenaan dengan pengurusan sekolah dan bagaimana sekolah ditadbirurus – data pentadbir, perintah am, peraturan, takwim, carta, bidang tugas, PIBG dan sebagainya
- ii. Pelajar perlu melakukan *pengumpulan data* berkenaan bagaimana sekolah diurustadbir melalui temubual kepada pengurusan sekolah terpilih berkenaan beberapa perkara (termasuklah tanggungjawab, ciri-ciri pengurus berkesan, dan yang berkaitan) dan/atau analisis dokumen untuk memahami bagaimana tugas mengurus tersebut dilakukan
- iii. Berdasarkan analisis data yang dikumpul pelajar perlu menyiapkan laporan ringkas berkenaan dengan pengurusan sekolah tersebut mengikut format yang telah ditetapkan.

b) Komponen B Aktiviti Akademik dan Kurikulum

- i. Aktiviti berkaitan dengan aktiviti akademik dan kurikulum di sekolah seperti jadual waktu, bebanan guru, pengajaran pembelajaran kelas, mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah, aktiviti akademik yang dilaksanakan serta pencapaian
- ii. Kenal pasti dan pilih salah satu aktiviti kurikulum dan akademik seperti kursus pendek akademik, tuisyen mata pelajaran, bimbingan belajar, atau seumpamanya, buat proposal cadangan program (apa program yang ingin dilaksanakan, cara dilaksanakan, keperluan-keperluan, pelajar terlibat, bagaimana akan dilaksanakan, tempoh masa dan seumpamanya) dan bincangkan dengan guru pembimbing dan pihak pengurusan sekolah dan seterusnya laksanakan program tersebut
- iii. Buat laporan berkenaan aktiviti yang dilaksanakan tersebut berkenaan dengan keberkesanan, cabaran, kekangan, serta cadangan penambahbaikan.
- iv. Refleksi

c) Komponen C Kemudahan Prasarana Sekolah

- i. Kajian berkenaan kemudahan prasarana sekolah seperti peralatan dan padang permainan, makmal-makmal, kelas, bilik guru, perpustakaan dan sebagainya
- ii. Buat kajian ringkas berkenaan dengan kemudahan prasarana sekolah dengan cara menemubual guru-guru yang menguruskan kemudahan prasarana tersebut untuk

- mengetahui cabaran, kualiti, kekangan, frekuensi penggunaan, serta cadangan penambahbaikan (gambar-gambar berkaitan boleh disertakan).
- iii. Buat laporan ringkas berkenaan kemudahan prasarana sekolah berdasarkan hasil temubual yang telah dilakukan.
 - iv. Refleksi

d) Komponen D Aktiviti Kokurikulum

- i. Aktiviti kokurikulum seperti badan beruniform, persatuan, dan lain-lain aktiviti di luar kelas, pencapaian sekolah dalam kokurikulum, program-program kecemerlangan yang dilaksanakan
- ii. Pilih salah satu aktiviti kokurikulum untuk dilaksanakan di sekolah (antara aktiviti yang boleh dipilih termasuklah aktiviti badan beruniform, persatuan, sukan dan permainan, lawatan belajar dan seumpamanya), buat proposal cadangan program (apa program yang ingin dilaksanakan, cara dilaksanakan, keperluan-keperluan, pelajar terlibat, bagaimana akan dilaksanakan, tempoh masa dan seumpamanya) dan bincangkan dengan guru pembimbing dan pihak pengurusan sekolah dan seterusnya laksanakan program tersebut.
- iii. Buat laporan berkenaan aktiviti yang dilaksanakan tersebut berkenaan dengan keberkesanan, cabaran, kekangan, serta cadangan penambahbaikan.
- iv. Refleksi

4. PROSES PENILAIAN RANCANGAN ORIENTASI SEKOLAH

Rancangan Orientasi Sekolah (ROS) dinilai dengan menggunakan rubrik tertentu mengikut komponen penulisan yang ditetapkan. Setiap komponen dinilai secara berasingan dengan menggunakan rubrik berkaitan mengikut hasil pembelajaran yang ditetapkan. Pensyarah Pembimbing yang dilantik dalam program LM di sekolah dikehendaki menilai kualiti laporan ROS pelajar menggunakan rubrik yang disediakan. Pelajar pula perlu **menyerahkan laporan yang mereka hasilkan mengikut tarikh-tarikh yang ditetapkan.**

Berikut adalah rubrik yang perlu digunakan oleh Pensyarah Pembimbing untuk menilai hasil laporan ROS pelajar yang diselia di sekolah masing-masing. Pensyarah Pembimbing perlu menggunakan borang rubrik yang diberikan, perlu ditandatangani selepas dinilai dan menyerahkan laporan markah tersebut ke Urusetia LM Sekolah Pendidikan pada minggu terakhir LM. Buku laporan ROS pelajar selepas ditanda hendaklah diserahkan semula kepada pelajar.

**RUBRIK PENILAIAN KOMPONEN A (PENGURUSAN SEKOLAH)
RANCANGAN ORIENTASI SEKOLAH (ROS)**

KRITERIA	SANGAT BAIK (3)	BAIK (2)	KURANG BAIK (1)
PENGENALAN (5%)			
Pengurusan Permasalahan	Permasalahan dikemukakan daripada sumber rujukan yang mencukupi dan terkini	Permasalahan dikemukakan daripada sumber rujukan yang mencukupi	Permasalahan dikemukakan daripada sumber rujukan yang terhad
Objektif	Dinyatakan dengan jelas dan selari dengan permasalahan yang dikemukakan	Dinyatakan dengan jelas dan hampir selari dengan permasalahan yang dikemukakan	Dinyatakan dengan jelas tetapi kurang selari dengan permasalahan yang dikemukakan
Proses	Prosedur projek dinyatakan dengan jelas dan terperinci	Prosedur projek dinyatakan dengan jelas	Prosedur projek ada dinyatakan tetapi kurang jelas
PERBINCANGAN (5%)			
Analisis Data dan Interpretasi	Data temubual dianalisis dan diinterpretasi dengan baik dan betul	Terdapat sedikit kesilapan dalam analisis dan menginterpretasi data temubual	Data temubual dianalisis dan diinterpretasi dengan cara yang kurang tepat
Kesimpulan	Kesimpulan umum kepada permasalahan projek dikemukakan dengan jelas	Terdapat sedikit kesilapan dalam kesimpulan umum yang dikemukakan	Kesimpulan umum kepada permasalahan projek tidak dikemukakan dengan jelas
Cadangan	Cadangan penambahbaikan dinyatakan dengan jelas dan tepat	Terdapat sedikit kesilapan dalam mengemukakan cadangan penambahbaikan	Cadangan penambahbaikan tidak dinyatakan dengan jelas dan tepat
PENILAIAN DIRI (5%)			
Proses Penyelesaian Masalah	Menunjukkan proses penyelesaian masalah yang lengkap bermula daripada pengenalan masalah, perancangan, pengumpulan data, penilaian dan cadangan	Proses penyelesaian masalah kurang lengkap dalam laporan akhir yang disediakan	Proses penyelesaian masalah tidak dikemukakan dalam laporan akhir yang disediakan
ETIKA (5%)			
Sumber Rujukan	Sumber rujukan dinyatakan dengan jelas dan terkini	Sumber rujukan dinyatakan dengan jelas	Sumber rujukan tidak dinyatakan dengan jelas dan tepat
<p>Pengesahan Kandungan dari Guru Pembimbing/pihak sekolah adalah WAJIB bagi mendapatkan markah bagi keempat-empat komponen</p> <ul style="list-style-type: none"> Guru Pembimbing/pihak sekolah 			

RUBRIK PENILAIAN KOMPONEN B (AKADEMIK & KURIKULUM)
RANCANGAN ORIENTASI SEKOLAH (ROS)

KRITERIA	SANGAT BAIK (3)	BAIK (2)	KURANG BAIK (1)
PERANCANGAN -5%			
Perbincangan Awal	Butiran perbincangan dinyatakan dengan jelas dan lengkap	Butiran perbincangan dinyatakan dengan jelas	Butiran perbincangan tidak dinyatakan dengan jelas
Prosedur Pelaksanaan	Carta alir Pelaksanaan program dinyatakan dengan jelas dan tersusun	Carta alir Pelaksanaan program dinyatakan dengan jelas	Carta alir Pelaksanaan program tidak dinyatakan dengan jelas
PELAKSANAAN (5%)			
Kerjasama Dengan Rakan	Rekod kerjasama dengan rakan dilakukan dengan baik	Rekod kerjasama dengan rakan kurang baik	Rekod kerjasama dengan rakan tidak dilakukan dengan baik
Kerjasama Dengan Sekolah	Rekod kerjasama dengan guru/pelajar dilakukan dengan baik	Rekod kerjasama dengan guru/pelajar kurang baik	Rekod kerjasama dengan guru/pelajar tidak dilakukan dengan baik
LAPORAN AKTIVITI (5%)			
Persembahan Data	Data Pelaksanaan dilaporkan dengan lengkap dan terperinci	Data Pelaksanaan dilaporkan dengan lengkap	Data Pelaksanaan tidak dilaporkan dengan lengkap
Keberkesanan Aktiviti	Keberkesanan aktiviti dinyatakan dengan lengkap dan terperinci	Keberkesanan aktiviti dinyatakan dengan lengkap	Keberkesanan aktiviti tidak dinyatakan dengan lengkap
Cadangan	Cadangan penambahbaikan aktiviti dinyatakan dengan jelas dan terperinci	Cadangan penambahbaikan aktiviti dinyatakan dengan jelas	Cadangan penambahbaikan aktiviti tidak dinyatakan dengan jelas
ETIKA (5%)			
Sumber Rujukan	Sumber rujukan dinyatakan dengan jelas dan terkini	Sumber rujukan dinyatakan dengan jelas	Sumber rujukan tidak dinyatakan dengan jelas dan tepat
Pengesahan Kandungan dari Guru Pembimbing/pihak sekolah adalah WAJIB bagi mendapatkan markah bagi keempat-empat komponen <ul style="list-style-type: none"> • Guru Pembimbing/pihak sekolah 			

**RUBRIK PENILAIAN KOMPONEN C (PRASARANA)
RANCANGAN ORIENTASI SEKOLAH (ROS)**

KRITERIA	SANGAT BAIK (3)	BAIK (2)	KURANG BAIK (1)
PEMERHATIAN PRASARANA (5%)			
Prosedur pemerhatian	Prosedur dinyatakan dengan jelas dan terperinci	Prosedur dinyatakan dengan jelas	Prosedur tidak dinyatakan dengan jelas
Rekod Pemerhatian	Hasil pemerhatian direkodkan dengan tersusun dan lengkap	Hasil pemerhatian direkodkan dengan tersusun	Hasil pemerhatian tidak direkodkan dengan tersusun
PENGUNAAN PRASARANA (5%)			
Rekod Penggunaan	Penggunaan prasarana dinyatakan dengan jelas dan lengkap	Penggunaan prasarana dinyatakan dengan jelas	Penggunaan prasarana tidak dinyatakan dengan jelas
Pelabelan	Semua rekod prasarana diberikan label dan rekod yang lengkap	Semua rekod prasarana diberikan label	Semua rekod prasarana tidak diberikan label
REFLEKSI DAN CADANGAN (5%)			
Refleksi tentang Kelebihan	Kelebihan prasarana dinyatakan dengan jelas dan tepat	Kelebihan prasarana dinyatakan dengan jelas	Kelebihan prasarana tidak dinyatakan dengan jelas
Refleksi tentang Kekurangan	Kekurangan prasarana dinyatakan dengan jelas dan tepat	Kekurangan prasarana dinyatakan dengan jelas	Kekurangan prasarana tidak dinyatakan dengan jelas
Cadangan Peningkatan Kualiti	Dinyatakan dengan jelas dan konstruktif	Dinyatakan dengan jelas	Tidak dinyatakan dengan jelas
ETIKA(5%)			
Sumber Rujukan	Sumber rujukan dinyatakan dengan jelas dan terkini	Sumber rujukan dinyatakan dengan jelas	Sumber rujukan tidak dinyatakan dengan jelas dan tepat
Pengesahan Kandungan dari Guru Pembimbing/pihak sekolah adalah WAJIB bagi mendapatkan markah bagi keempat-empat komponen <ul style="list-style-type: none"> • Guru Pembimbing/pihak sekolah 			

RUBRIK PENILAIAN KOMPONEN D (KO-KURIKULUM)
RANCANGAN ORIENTASI SEKOLAH (ROS)

KRITERIA	SANGAT BAIK (3)	BAIK (2)	KURANG BAIK (1)
PERANCANGAN (5%)			
Perbincangan Awal	Butiran perbincangan dinyatakan dengan jelas dan lengkap	Butiran perbincangan dinyatakan dengan jelas	Butiran perbincangan tidak dinyatakan dengan jelas
Prosedur Pelaksanaan	Carta alir Pelaksanaan program dinyatakan dengan jelas dan tersusun	Carta alir Pelaksanaan program dinyatakan dengan jelas	Carta alir Pelaksanaan program tidak dinyatakan dengan jelas
PELAKSANAAN (5%)			
Kerjasama Dengan Rakan	Rekod kerjasama dengan rakan dilakukan dengan baik	Rekod kerjasama dengan rakan kurang baik	Rekod kerjasama dengan rakan tidak dilakukan dengan baik
Kerjasama Dengan Sekolah	Rekod kerjasama dengan guru/pelajar dilakukan dengan baik	Rekod kerjasama dengan guru/pelajar kurang baik	Rekod kerjasama dengan guru/pelajar tidak dilakukan dengan baik
LAPORAN AKTIVITI (5%)			
Persemabahan Data	Data Pelaksanaan dilaporkan dengan lengkap dan terperinci	Data Pelaksanaan dilaporkan dengan lengkap	Data Pelaksanaan tidak dilaporkan dengan lengkap
Keberkesanan Aktiviti	Keberkesanan aktiviti dinyatakan dengan lengkap dan terperinci	Keberkesanan aktiviti dinyatakan dengan lengkap	Keberkesanan aktiviti tidak dinyatakan dengan lengkap
Cadangan	Cadangan penambahbaikan aktiviti dinyatakan dengan jelas dan terperinci	Cadangan penambahbaikan aktiviti dinyatakan dengan jelas	Cadangan penambahbaikan aktiviti tidak dinyatakan dengan jelas
ETIKA (5%)			
Sumber Rujukan	Sumber rujukan dinyatakan dengan jelas dan terkini	Sumber rujukan dinyatakan dengan jelas	Sumber rujukan tidak dinyatakan dengan jelas dan tepat
Pengesahan Kandungan dari Guru Pembimbing/pihak sekolah adalah WAJIB bagi mendapatkan markah bagi keempat-empat komponen			
<ul style="list-style-type: none"> Guru Pembimbing/pihak sekolah 			

5. Penutup

Maklumat Panduan Pelaksanaan dan Penilaian ROS ini disediakan dan disesuaikan dengan kehendak kurikulum program latihan perguruan yang digunapakai di Sekolah Pendidikan UTM. Segala perubahan dan penambahbaikan panduan adalah tertakluk kepada keperluan dan pertimbangan pemilik program dari semasa ke semasa.

Dikemaskini dan disediakan oleh:

*Urusetia Latihan Praktik
Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia
Mac 2023*